

Pas sokong pendirian PM tidak ikut kehendak AS

UM 27 SEP 2001

Oleh WAN ZULKIFLI
WAN YAACOB

KUALA TERENGGANU 26 Sept. — Pas menyokong pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang tidak terikut kehendak Amerika Syarikat (AS) ketika negara kuasa dunia itu dalam keadaan tergopoh-gapah memerangi keganasan.

Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi

Awang berkata, AS tidak boleh menghukum negara-negara lain sebagai penganas sebelum dapat membuktikannya.

“Apakah kerana Fidel Castro (Presiden Cuba) pernah melawat negara ini, maka Malaysia juga perlu diisytiharkan oleh AS sama dengan negara itu,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Perdana Menteri sebelum ini dilaporkan sebagai berkata bahawa Malaysia hanya akan menyerahkan

mereka yang disyaki penganas kepada AS jika individu terbabit melakukan jenayah di negara tersebut.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, jika jenayah itu dilakukan di negara ini, ia menjadi tanggungjawab pihak berkuasa Malaysia untuk menangani sendiri penjenayah berkenaan.

Kenyataan Perdana Menteri itu merujuk kepada laporan awal yang menyebut bahawa Malaysia adalah antara sembilan negara Islam yang diminta

menyerahkan beratus-ratus orang yang disyaki penganas.

Menurut laporan itu, negara Islam yang gagal menyerahkan penganas akan menerima padah dari AS.

Bagaimanapun, kerajaan AS menerusi satu laporan semalam menjelaskan negara itu tidak menganggap Malaysia sebagai negara Islam yang melindungi penganas.

Selain itu, kerajaan AS juga menjelaskan pihaknya tidak membuat permintaan

kepada kerajaan Malaysia untuk mengekstradisi penganas.

“Kalau ada bukti mereka lakukan kesalahan jenayah, bolehlah, tetapi kalau hendak diserahkan begitu sahaja dan direka-reka, kita tak boleh terima. Sehingga kini, AS tidak boleh membuktikan kepada dunia tetapi seolah-olah mahu dunia lupakan tindak-tanduknya yang turut lakukan keganasan.

“Ia pernah menembak jatuh pesawat awam Iran,

menyerang kilang susu di Sudan, menyerang penginapan Presiden Libya dan mengorbankan ratusan ribu nyawa melalui pengeboman Hiroshima dan Nagasaki,” kata Abdul Hadi.

Menurut Menteri Besar Terengganu itu lagi, keputusan AS untuk membunuh Osama bin Laden yang didakwa mendalangi serangan di New York dan Washington baru-baru ini, tanpa bukti yang jelas, tidak akan menyelesaikan sebarang masalah.